

*Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(2)(2010): 87-95

## Kepelbagaian Pelajar dan Sekolah: Satu Kajian Kes di Negeri Pahang (Student and School's Diversity: A Case Study in State of Pahang)

ABDUL RAZAQ AHMAD, ANISA SALEHA, ZALIZAN MOHD JELAS & AHMAD ALI SEMAN

### ABSTRAK

*Kepelbagaian pelajar ialah asas untuk menginklusifkan sekolah supaya keperluan semua pelajar dapat diberi layanan untuk mengoptimumkan pembelajaran mereka. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat perspektif pelajar terhadap kepelbagaian sekolah. Domain dari School Directory Inventory (Gottfredson & Jones 2001) digunakan. Kepelbagaian sekolah dari aspek pelajar adalah merujuk kepada faktor jantina, kaum, kawasan tempat tinggal dan pendapatan keluarga. Metodologi yang digunakan adalah kaedah tinjauan dengan menggunakan kaedah soal selidik. Kajian ini adalah merupakan satu kajian kes yang melibatkan seramai 335 orang pelajar dari daerah Temerloh, Maran, dan Kuantan di negeri Pahang. Data dianalisis menggunakan SPSS (Statistical Package For The Social Science Versi 15) menggunakan kaedah deskriptif dan inferensi iaitu min, ujian-t dan ANOVA. Melalui kajian rintis yang dilakukan di dapati kebolehpercayaan alat kajian berdasarkan Cronbach Alfa adalah di tahap yang tinggi iaitu 0.803. Dapatan kajian menunjukkan tahap min perspektif pelajar terhadap kepelbagaian sekolah adalah di tahap yang sederhana iaitu 2.70. Analisis ujian-t pula menunjukkan terdapat perbezaan signifikan di bawah aras 0.5 bagi perspektif pelajar terhadap kepelbagaian sekolah berdasarkan jantina dan kaum. Berdasarkan analisis Anova, perspektif pelajar terhadap kepelbagaian sekolah berdasarkan kaum, pendapatan keluarga dan kawasan tempat tinggal menunjukkan perbezaan signifikan. Situasi ini menunjukkan latar belakang pelajar mempunyai hubungan terhadap tahap penerimaan kepelbagaian sekolah. Implikasi kajian menunjukkan pelbagai pihak khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia seharusnya berusaha untuk meningkatkan tahap penerimaan kepelbagaian sekolah dalam kalangan pelajar bagi menjamin kualiti pendidikan bagi semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang dan keupayaan pelajar ke arah slogan "Satu Malaysia".*

*Kata kunci: Kajian kes, pelajar, sekolah, kepelbagaian*

### ABSTRACT

*Students' diversity is the foundation of inclusive schools, where students' learning needs will be optimised. The purpose of this study is to identify students' perspectives towards school diversity. Thus, for the purpose of this study, the School Directory Inventory (Gottfredson & Jones 2001) domain is applied. Schools' diversity in this study refers to factors of gender, area of living and family's incomes. This research was conducted using a survey method and questionnaires. This is a case study involving 335 students in state of Pahang, Malaysia. The data was analysed using descriptive and inferential techniques to determine the mean scores, t-test and ANOVA. A pilot study was conducted and the reliability was 0.803. Findings of the study as related to schools diversity showed that the mean scores of students' perspectives was at 2.70. The analysis for t-test was significant at the level of 0.5 for students' perspectives on school diversity based on gender and races. The analysis on ANOVA of students' perspective showed significantly difference in terms of races, area of living and family's incomes. These findings indicated that students' background had significant relevance with their acceptance level on the schools' diversity. The implication of the study revealed that various parties particularly the Ministry of Education should improve the level of acceptance on schools' diversity among students, in order to maintain the quality of education without prejudice among Malaysian citizens towards "One Malaysia".*

*Keywords: Case study, students, school, diversity*

### PENDAHULUAN

Pelaksanaan pendekatan pendidikan kepelbagaian adalah bertepatan dengan sasaran kerja utama Kementerian Pelajaran Malaysia bagi merapatkan jurang perbezaan di sekolah dan menghapuskan sebarang unsur diskriminasi terhadap pelajar-pelajar lemah dan bermasalah dengan kesedaran bahawa mereka adalah manusia yang mempunyai keperluan

kendiri yang memerlukan perhatian, penerimaan, penghargaan dan kasih sayang. Pandangan ini selari dengan model keperluan Maslow yang menerangkan keperluan manusia dalam bentuk berhierarki. Pengisian terhadap keperluan kekurangan (makan, minum dan tempat tinggal) dan keperluan pertumbuhan (keselamatan, kasih sayang dan penghargaan) akan membawa kepada kesempurnaan sendiri (Ahmad Razaai Ayudin 1995).

Dasar-dasar berkaitan pendidikan kepelbagaian sebenarnya merujuk kepada dua langkah teras, iaitu: (1) mengintegrasikan kanak-kanak bermasalah pembelajaran dalam kelas khas di sekolah biasa dan (2) langkah-langkah sokongan yang diambil oleh agensi kerajaan dan pihak-pihak yang terlibat bagi mengurangkan tekanan, trauma dan putus asa golongan ini yang selalu dipinggirkan daripada agenda pendidikan di sekolah (Ainscow 1999; Booth dan Ainscow 1998; Farrell 2004; Vlachou 2004; Noddings 2005). Pendidikan kepelbagaian juga merupakan proses bagaimana sekolah, komuniti dan agensi kerajaan berusaha untuk mengurangkan kekangan pembelajaran bagi semua pelajar. Ballard (1999) menyatakan bahawa pendidikan kepelbagaian adalah untuk menilai kepelbagaian dan bukan sekadar asimilasi.

Kajian ini akan meninjau aspek kepelbagaian pelajar yang termasuk di dalamnya pendidikan inklusif. Walaupun pada asalnya memberi tumpuan kepada pelajar-pelajar berkeperluan khas yang diintegrasikan dalam sistem pendidikan biasa tetapi dalam kajian ini turut meninjau bagaimana persepsi pelajar terhadap aspek-aspek kepelbagaian pelajar di sekolah dan perkara-perkara yang berkaitan perlu diberi perhatian sewajarnya agar dapat memberi pendidikan yang saksama kepada semua pelajar. Bagi meningkatkan pendidikan inklusif dari aspek kepelbagaian pelajar, faktor-faktor yang berkaitan pemboleh ubah gender, etnik, tempat tinggal dan latar belakang keluarga perlu dikaji. Perkara-perkara ini merupakan elemen-elemen penting dalam mempengaruhi pendidikan inklusif dan kepelbagaian di peringkat sekolah. Walaupun inisiatif pendidikan inklusif telah dimulakan di Malaysia (Zalizan 1995a, 1995b, 1999a; Kementerian Pendidikan 1995; Akta Pendidikan 1998) kesannya masih sukar diperhatikan dan diukur (Zalizan 1999b; 2000).

#### TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti perspektif pelajar terhadap kepelbagaian pelajar di sekolah. Selain daripada itu kajian ini juga turut mengenal pasti perbezaan perspektif pelajar dari aspek jantina, kaum, pendapatan keluarga dan lokasi tempat tinggal terhadap domain kepelbagaian. Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat membina inventori profil kepelbagaian pelajar di sekolah dari perspektif pelajar, yang boleh diguna pakai untuk membantu pihak sekolah bagi menyediakan maklumat *baseline* untuk merancang penambahbaikan dan mengukur kemajuan sesebuah sekolah ke arah sekolah yang lebih berkesan bagi memenuhi semua keperluan pelajar.

#### METODOLOGI

Kajian berbentuk tinjauan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian utama bagi mengenal pasti perkara-perkara mengenai kepelbagaian pelajar di sekolah yang

merangkumi aspek pelajar dan persekitaran sekolah. Sampel kajian ini terdiri daripada 335 orang pelajar, yang telah dipilih sebagai responden kajian dan yang melibatkan 10 buah sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dari negeri Pahang yang melibatkan daerah Temerloh, Kuantan dan Maran.

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik *School Diversity Inventory* oleh Gottfredson dan Jones (2001) yang telah diadaptasi sebagai alat kajian untuk mengumpul maklumat berkaitan persepsi pelajar terhadap kepelbagaian pelajar di sekolah. Bagi memenuhi keperluan kajian, satu kajian rintis telah dijalankan di dua buah sekolah di daerah Kajang yang dilaksanakan pada bulan Jun, 2008 yang melibatkan seramai 60 orang pelajar yang diambil secara rawak dari dua buah sekolah tersebut. Hasil kajian rintis berdasarkan analisis Cronbach alfa menunjukkan domain kepelbagaian sekolah bagi pelajar adalah berada pada tahap yang tinggi (0.803) serta boleh diterima pakai bagi melaksanakan kajian yang sebenar.

Proses menganalisis data melibatkan dua jenis statistik iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi. Untuk menjalankan analisis, proses pengkodan telah dijalankan untuk memudahkan aktiviti memasukkan data ke dalam program *The Statistical Package For The Social Sciences* SPSS versi 15.

#### KAJIAN LITERATUR

Kajian-kajian lain juga telah menyokong bahawa terdapat perbezaan pelajar berdasarkan aliran dan jenis sekolah seperti kajian yang dilakukan Hanafiah Mohd Saleh et al. (2000) yang melibatkan seramai 150 orang pelajar dari sekolah agama dan 1280 orang dari sekolah menengah menunjukkan terdapatnya perbezaan dari aspek tingkah laku dari dua sekolah tersebut. Di mana pelajar sekolah bukan aliran agama lebih banyak melakukan perilaku negatif.

Kejayaan pengajaran pemulihan khas dapat diukur dengan tahap kemajuan dan keupayaan pelajar mengikuti pengajaran dalam erti kata lain dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran. Menurut Hegarty et al. (1983), mengajar murid-murid berkeperluan khas adalah satu tugas yang paling mencabar dan harus dihadapi oleh guru-guru dalam perkhidmatan. Oleh sebab itu, guru-guru hendaklah tahan cabaran dan mempunyai kualiti tertentu yang sesuai dengan suasana keperluan khas.

Turney dan Jenkins (1985) mengatakan iklim sekolah adalah faktor utama menentukan keadaan kualiti pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar di sekolah dan ianya juga merupakan faktor penting dalam menentukan sekolah berkesan. Rahimah (1981) turut menjelaskan iklim sekolah yang baik adalah yang berkaitan dengan guru-guru merasa selamat, yakin dan puas serta tidak merasa terancam atau was-was dalam menunjukkan keperihatinannya kepada pelajar-pelajar. Selain daripada itu juga pengetua yang sederhana, mudah ditemui, bersifat

terbuka serta berkebolehan dan ada semangat setiakawan menyebabkan pelajar-pelajar yang mempunyai latar belakang dan pencapaian yang berbeza lebih selesa untuk hadir ke sekolah.

Byrne, Hartie dan Fraser (1996) dalam kajiannya yang melibatkan 1,675 orang pelajar di New South Wales Australia mendapati pencapaian pelajar dalam matematik dan bahasa Inggeris dengan iklim sekolah yang terbuka adalah lebih positif. Manakala kajian Mortimore et al. (1988, 1989) di bawah *Program Inner London Education Authority's Junior School Project (JSP)* menegaskan bahawa iklim yang selamat dan positif di sekolah berkesan mempunyai persekitaran yang menyenangkan. Hal ini disebabkan kurang penekanan kepada deraan dan kawalan disiplin di dalam sekolah. Malah guru-guru memberi penekanan kepada kawalan pelajar terhadap disiplin. Stoll (1994) pula menyatakan bahawa iklim yang selamat dan kondusif untuk pembelajaran adalah iklim yang boleh mewujudkan pelajar-pelajar berkelakuan baik dan pencapaian akademiknya meningkat.

#### PERSPEKTIF PELAJAR TERHADAP KEPELBAGAIAN DI SEKOLAH

Berdasarkan Jadual 1, tahap min keseluruhan kepelbagaian pelajar di sekolah berada pada tahap sederhana dengan (min = 2.70, SP = .21). Dua domain kepelbagaian pelajar berada pada tahap tinggi, iaitu Polisi dan Amalan Kepelbagaian (min = 3.16, SP = .106) dan Keterbukaan kepada Kepelbagaian (min = 3.08, SP = .252). Sedangkan domain kepelbagaian sekolah yang lainnya berada pada tahap sederhana iaitu domain Kepelbagaian dan Role Model (min = 2.91, SP = .120), Akses (min = 2.80, SP = .203), Suasana Menghormati (min = 2.70, SP = .561), Permusuhan dalam Kumpulan (min = 2.37, SP = .270), Hubungan Antara Kaum (min = 2.51, SP = .153), Interaksi Antara Gender (min = 2.82, SP = .128), Interaksi Sosial dalam Kumpulan (min = 2.67, SP = .822), Tanggapan Terhadap Ekuiti Pendidikan (min = 2.27, SP = .195) and Sikap Terhadap Pelajar Berkeperluan Khas (min = 2.44, SP = .598).

JADUAL 1. Tahap Min Keseluruhan bagi Persepsi Pelajar Terhadap Domain Kepelbagaian Pelajar di Sekolah

(N = 335)	N	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Polisi dan Amalan Kepelbagaian	335	3.16	0.106	Tinggi
Keterbukaan kepada Kepelbagaian	335	3.08	0.252	Tinggi
Kepelbagaian dan Role Model	335	2.91	0.120	Sederhana
Akses	335	2.80	0.203	Sederhana
Suasana Menghormati	335	2.70	0.561	Sederhana
Permusuhan dalam Kumpulan	335	2.37	0.270	Sederhana
Hubungan Antara Kaum	335	2.51	0.153	Sederhana
Interaksi Antara Gender	335	2.82	0.128	Sederhana
Interaksi Sosial dalam Kumpulan	335	2.67	0.822	Sederhana
Tanggapan Terhadap Ekuiti Pendidikan	335	2.27	0.195	Sederhana
Sikap Terhadap Pelajar Berkeperluan Khas	335	2.44	0.598	Sederhana
Purata	335	2.70	0.221	Sederhana

#### PERBEZAAN PERSPEKTIF PELAJAR TERHADAP KEPELBAGAIAN SEKOLAH BERDASARKAN JANTINA

Berdasarkan Jadual 2 *ujian-t* berdasarkan kumpulan jantina menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap aspek domain Akses ( $t = -.036$ , sig. = .971 > .050), Suasana Menghormati ( $t = 1.001$ , sig. = .317 > .050), Interaksi Jantina ( $t = -1.521$ , sig. = .129 > .050), Interaksi Sosial dalam Kumpulan ( $t = -.059$ , sig. = .953 > .050) dan Tanggapan Terhadap Ekuiti Pendidikan ( $t = -1.826$ , sig. = .069 > .050). Walau bagaimanapun wujud perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina keatas aspek Polisi dan Amalan Kepelbagaian ( $t = -4.521$ , sig. = .000 < .050), Keterbukaan kepada Kepelbagaian ( $t = -4.113$ , sig.000 < .050), Kepelbagaian dan Role Model ( $t = -1.799$ , sig. = .073 > .050), Permusuhan dalam Kumpulan ( $t = 2.736$ , sig. = .007 < .050), Hubungan Antara Kaum ( $t = -3.879$ , sig. = .000 < .050), dan Sikap Terhadap Pelajar Berkeperluan Khas ( $t = -3.879$ , sig. = .033 < .050).

#### PERBEZAAN PERSPEKTIF PELAJAR TERHADAP KEPELBAGAIAN SEKOLAH BERDASARKAN KAUM

Berdasarkan analisis ANOVA, Jadual 3 menunjukkan pemboleh ubah berdasarkan kaum. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan kaum ke atas Polisi dan Amalan Kepelbagaian ( $F = .999$ , sig. = .369 > .050), Kepelbagaian dan Role Model ( $F = .337$ , sig. = .714 > .050), Akses ( $F = .375$ , sig. = .687 > .050), Suasana Menghormati ( $F = .105$ , sig. = .900 > .050), Hubungan Antara Kaum, dan Sikap ( $F = .319$ , sig. = .727 > .050), Interaksi Sosial dalam Kumpulan ( $F = .317$ , sig. = .729 > .050) dan Sikap Terhadap Pelajar Berkeperluan Khas ( $F = .561$ , sig. = .571 > .050). Namun demikian wujud perbezaan yang signifikan berdasarkan kaum terhadap aspek Keterbukaan kepada Kepelbagaian ( $F = 5.781$ , sig. = .003 < .050), Permusuhan dalam Kumpulan ( $F = 4.405$ , sig. = .013 < .050), Interaksi Antara Gender ( $F = 7.873$ , sig. = .000 < .050) dan Tanggapan Terhadap Ekuiti Pendidikan ( $F = 10.188$ , sig. = .000 < .050).

JADUAL 2. Ujian-t Perspektif Pelajar Terhadap Kepelbagaian Sekolah Berdasarkan Jantina

Pemboleh Ubah Bersandar	Kumpulan	N	Min	Nilai t	Sig. (p)
Polisi dan Amalan Kepelbagaian	Lelaki	146	3.0051	0.48108	-4.521 0.000
	Perempuan	189	3.2262	0.41268	
Keterbukaan kepada Kepelbagaian	Lelaki	146	2.8408	0.59079	-4.113 0.000
	Perempuan	189	3.0992	0.55401	
Kepelbagaian dan Role Model	Lelaki	146	2.7877	0.53803	-1.799 0.073
	Perempuan	189	2.9083	0.65760	
Akses	Lelaki	146	2.6804	0.56171	-.036 0.971
	Perempuan	189	2.6825	0.52737	
Suasana Menghormati	Lelaki	146	2.6164	0.51839	1.001 0.317
	Perempuan	189	2.5626	0.46292	
Permusuhan dalam Kumpulan	Lelaki	146	2.5228	0.60256	2.736 0.007
	Perempuan	189	2.3192	0.72675	
Hubungan Antara Kaum	Lelaki	146	2.6050	0.64802	-3.879 0.000
	Perempuan	189	2.8607	0.55649	
Interaksi Antara Gender	Lelaki	146	2.3493	0.54292	-1.521 0.129
	Perempuan	189	2.4427	0.56789	
Interaksi Sosial dalam Kumpulan	Lelaki	146	2.7306	0.41489	-.059 0.953
	Perempuan	189	2.7337	0.51247	
Tanggapan Terhadap Ekuiti Pendidikan	Lelaki	146	2.1279	0.66235	-1.826 0.069
	Perempuan	189	2.2522	0.58184	
Sikap Terhadap Pelajar Berkeperluan Khas	Lelaki	146	2.6073	0.56823	-2.136 0.033
	Perempuan	189	2.7478	0.61828	

\* Aras signifikan pada 0.05.

#### PERBEZAAN PERSPEKTIF PELAJAR TERHADAP KEPELBAGAIAN SEKOLAH BERDASARKAN LOKASI DAN TEMPAT TINGGAL

Jadual 4 menunjukkan dapatan analisis ANOVA tak bersandar berdasarkan tempat tinggal. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan tempat tinggal ke atas Polisi dan Amalan Kepelbagaian ( $F = 2.28$ ,  $\text{sig.} = .060 > .050$ ), Keterbukaan kepada Kepelbagaian ( $F = 2.28$ ,  $\text{sig.} = .060 > .050$ ), Kepelbagaian dan Role Model ( $F = 2.18$ ,  $\text{sig.} = .070 > .050$ ), Akses ( $F = 1.21$ ,  $\text{sig.} = .306 > .050$ ), Suasana Menghormati ( $F = .847$ ,  $\text{sig.} = .496 > .050$ ), Interaksi Antara Gender ( $F = 2.37$ ,  $\text{sig.} = .052 > .050$ ), Interaksi Sosial dalam Kumpulan ( $F = .612$ ,  $\text{sig.} = .654 > .050$ ) dan Tanggapan Terhadap Ekuiti Pendidikan ( $F = 1.623$ ,  $\text{sig.} = .168 > .050$ ).

Walau bagaimanapun wujud perbezaan berdasarkan kawasan tempat tinggal ke atas pemboleh ubah bersandar, Permusuhan dalam Kumpulan ( $F = 3.78$ ,  $\text{sig.} = .005 < .050$ ), Hubungan Antara Kaum ( $F = 3.44$ ,  $\text{sig.} = .009 < .050$ ), sikap terhadap Pelajar Berkeperluan Khas ( $F = 3.897$ ,  $\text{sig.} = .004 < .050$ ).

#### PERBEZAAN PERSPEKTIF PELAJAR TERHADAP KEPELBAGAIAN SEKOLAH BERDASARKAN PENDAPATAN KELUARGA

Jadual 5 menunjukkan dapatan analisis ANOVA berdasarkan pendapatan keluarga. Dapatan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan pendapatan keluarga ke atas Polisi dan Amalan Kepelbagaian ( $F = .365$ ,

$\text{sig.} = .694 > .050$ ), Keterbukaan kepada Kepelbagaian ( $F = 2.102$ ,  $\text{sig.} = .124 > .050$ ), Kepelbagaian dan Role Model ( $F = .595$ ,  $\text{sig.} = .552 > .050$ ), Suasana Menghormati ( $F = 2.597$ ,  $\text{sig.} = .076 > .050$ ), Permusuhan dalam Kumpulan ( $F = .394$ ,  $\text{sig.} = .675 > .050$ ), Interaksi Jantina ( $F = 1.858$ ,  $\text{sig.} = .158 > .050$ ), Interaksi Sosial dalam Kumpulan ( $F = 1.429$ ,  $\text{sig.} = .241 > .050$ ) dan Sikap Terhadap Pelajar Berkeperluan Khas ( $F = 1.890$ ,  $\text{sig.} = .153 > .050$ ).

Namun demikian wujud perbezaan berdasarkan pendapatan keluarga tempat tinggal ke atas pemboleh ubah bersandar, Akses ( $F = 3.354$ ,  $\text{sig.} = .036 < .050$ ), Hubungan Antara Kaum ( $F = 3.101$ ,  $\text{sig.} = .046 < .050$ ), Tanggapan Terhadap Ekuiti Pendidikan ( $F = 4.060$ ,  $\text{sig.} = .018 < .050$ ).

#### IMPLIKASI KAJIAN

Perspektif pelajar terhadap kepelbagaian sekolah berdasarkan 11 domain *School Diversity Inventory* secara keseluruhannya berada pada tahap yang sederhana di antara 2.70. Manakala hanya dua item sahaja berkaitan polisi dan amalan kepelbagaian serta keterbukaan kepada kepelbagaian sahaja menunjukkan tahap min yang sederhana tinggi antara 3.08 hingga 3.16. Hal ini menunjukkan kesedaran pelajar dalam penerimaan kepelbagaian sekolah masih tidak memuaskan. Perkara ini berlaku disebabkan pihak sekolah atau guru kurang memberi pendedahan dan dorongan kepada pelajar dalam menerima kepelbagaian sekolah. Selain daripada itu juga, pelajar-pelajar tidak diberi latihan dan bimbingan daripada guru atau sekolah dalam membentuk interaksi dalam kalangan rakan yang mempunyai perbezaan dari segi jantina, kaum dan budaya (Zalizan Mohd Jelas 2000).

JADUAL 3. Analisis ANOVA Perbezaan Perspektif Pelajar Terhadap Kepelbagaian Sekolah Berdasarkan Kaum

Pemboleh Ubah Bersandar	Kumpulan	N	Min	SP	Nilai F	P (sig)
Polisi dan Amalan Kepelbagaian	Melayu	301	3.13	0.452	0.999	0.369
	Cina	23	3.00	0.522		
	India	11	3.13	0.408		
Keterbukaan kepada Kepelbagaian	Melayu	301	3.00	0.582	5.781	0.003
	Cina	23	2.96	0.401		
	India	11	2.40	0.691		
Kepelbagaian dan Role Model	Melayu	301	2.85	0.614	0.337	0.714
	Cina	23	2.82	0.584		
	India	11	3.00	0.577		
Akses	Melayu	301	2.67	0.547	0.375	0.687
	Cina	23	2.73	0.585		
	India	11	2.78	0.224		
Suasana Menghormati	Melayu	301	2.58	0.484	0.105	0.900
	Cina	23	2.62	0.534		
	India	11	2.54	0.522		
Permusuhan dalam Kumpulan	Melayu	301	2.37	0.684	4.405	0.013
	Cina	23	2.63	0.521		
	India	11	2.87	0.703		
Hubungan Antara Kaum	Melayu	301	2.75	0.608	0.319	0.727
	Cina	23	2.73	0.502		
	India	11	2.60	0.866		
Interaksi Antara Gender	Melayu	301	2.36	0.549	7.873	0.000
	Cina	23	2.75	0.462		
	India	11	2.75	0.634		
Interaksi Sosial Dalam Kumpulan	Melayu	301	2.73	0.475	0.317	0.729
	Cina	23	2.68	0.443		
	India	11	2.81	0.456		
Tanggapan Terhadap Ekuiti Pendidikan	Melayu	301	2.14	0.602	10.188	0.000
	Cina	23	2.59	0.610		
	India	11	2.72	0.629		
Sikap Terhadap Pelajar Berkeperluan Khas	Melayu	301	2.67	0.602	0.561	0.571
	Cina	23	2.81	0.558		
	India	11	2.63	0.657		

\* Aras signifikan pada .05.

Berdasarkan ujian-t bagi melihat perbezaan perspektif pelajar terhadap kepelbagaian sekolah menunjukkan tidak terdapat signifikan di bawah aras 0.05. Dapatan ini menunjukkan perspektif pelajar terhadap domain kepelbagaian sekolah bagi hampir keseluruhan item menunjukkan berada pada tahap yang rendah. Situasi ini berlaku disebabkan tiadanya program-program kesedaran yang dilakukan oleh pihak sekolah atau Kementerian Pelajaran dalam menangani permasalahan tersebut. Selain daripada itu, mungkin disebabkan kurangnya permasalahan dan kajian yang berkaitan dengan perkara tersebut dilakukan menyebabkan ianya tidak dianggap begitu penting dalam konteks pendidikan di negara kita.

Kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan signifikan perspektif pelajar yang berdasarkan aspek kaum, tempat tinggal dan pendapatan keluarga terhadap 11 domain kepelbagaian sekolah yang telah dibincangkan. Ini menggambarkan pengaruh-pengaruh latar belakang pelajar juga menyumbang kepada perbezaan terhadap persepsi mereka tentang kepelbagaian sekolah. Dapatan kajian ini

selari dengan kajian yang dijalankan oleh Zalizan Mohd Jelas (2009) bahawa pelajar-pelajar dari keluarga yang berpendapatan rendah dan tinggal di kawasan persekitaran mempunyai sikap yang berbeza berbanding dengan pelajar yang berasal dari keluarga berpendapatan tinggi dan tinggal di kawasan bandar. Seharusnya usaha-usaha di peringkat sekolah yang melibatkan guru dan pentadbir merancang sesuatu yang boleh merapatkan jurang perbezaan sikap dan penerimaan pelajar terhadap kepelbagaian sekolah.

#### SUMBANGAN KAJIAN TERHADAP MEMANTAPKAN KEPELBAGAIAN SEKOLAH

Kajian ini sangat penting kerana ianya dapat meninjau tahap perspektif pelajar terhadap kepelbagaian sekolah di mana hasil daripada dapatan ini menunjukkan tahap perspektif pelajar terhadap domain kepelbagaian sekolah masih rendah dan berada pada tahap yang kurang memuaskan. Inventori yang diambil daripada Gottfredson dan Jones (2001)

JADUAL 4. Analisis ANOVA Perbezaan Perspektif Pelajar Terhadap Kepelbagaian Sekolah Berdasarkan Tempat Tinggal

Pemboleh Ubah Bersandar	Kumpulan	N	Min	SP	Nilai F	Sig. (p)
Polisi dan Amalan Kepelbagaian	Kawasan setinggan	5	3.20	0.817	2.28	0.060
	Kawasan kampung	157	3.14	0.460		
	Kawasan rumah kos rendah	43	3.12	0.333		
	Kawasan perumahan sederhana	126	3.08	0.463		
	Kawasan perumahan mewah	4	3.75	0.353		
Keterbukaan kepada Kepelbagaian	Kawasan setinggan	5	3.15	0.782	2.28	0.060
	Kawasan kampung	157	2.93	0.609		
	Kawasan rumah kos rendah	43	2.87	0.630		
	Kawasan perumahan sederhana	126	3.06	0.517		
	Kawasan perumahan mewah	4	3.50	0.288		
Kepelbagaian dan Role Model	Kawasan setinggan	5	3.33	0.912	2.18	0.070
	Kawasan kampung	157	2.78	0.551		
	Kawasan rumah kos rendah	43	2.79	0.682		
	Kawasan perumahan sederhana	126	2.94	0.625		
	Kawasan perumahan mewah	4	3.00	0.816		
Akses	Kawasan setinggan	5	3.13	0.182	1.21	0.306
	Kawasan kampung	157	2.68	0.549		
	Kawasan rumah kos rendah	43	2.58	0.476		
	Kawasan perumahan sederhana	126	2.69	0.564		
	Kawasan perumahan mewah	4	2.75	0.166		
Suasana Menghormati	Kawasan setinggan	5	2.80	0.505	0.847	0.496
	Kawasan kampung	157	2.57	0.454		
	Kawasan rumah kos rendah	43	2.65	0.474		
	Kawasan perumahan sederhana	126	2.56	0.529		
	Kawasan perumahan mewah	4	2.83	0.577		
Permusuhan dalam Kumpulan	Kawasan setinggan	5	2.53	0.380	3.78	0.005
	Kawasan kampung	157	2.31	0.714		
	Kawasan rumah kos rendah	43	2.75	0.631		
	Kawasan perumahan sederhana	126	2.40	0.637		
	Kawasan perumahan mewah	4	2.25	0.500		
Hubungan Antara Gender	Kawasan setinggan	5	3.00	0.767	3.44	0.009
	Kawasan kampung	157	2.69	0.566		
	Kawasan rumah kos rendah	43	2.57	0.596		
	Kawasan perumahan sederhana	126	2.84	0.502		
	Kawasan perumahan mewah	4	3.41	0.860		
Interaksi Antara Gender	Kawasan setinggan	5	2.53	0.471	2.37	0.052
	Kawasan kampung	157	2.33	0.472		
	Kawasan rumah kos rendah	43	2.51	0.431		
	Kawasan perumahan sederhana	126	2.42	0.490		
	Kawasan perumahan mewah	4	3.00	0.272		
Interaksi Sosial dalam Kumpulan	Kawasan setinggan	5	2.66	0.472	.612	0.654
	Kawasan kampung	157	2.71	0.431		
	Kawasan rumah kos rendah	43	2.79	0.490		
	Kawasan perumahan sederhana	126	2.72	0.272		
	Kawasan perumahan mewah	4	3.00	0.471		
Tanggapan Terhadap Ekuiti Pendidikan	Kawasan setinggan	5	1.80	0.505	1.623	0.168
	Kawasan kampung	157	2.15	0.638		
	Kawasan rumah kos rendah	43	2.37	0.683		
	Kawasan perumahan sederhana	126	2.21	0.574		
	Kawasan perumahan mewah	4	2.25	0.419		
Sikap Terhadap Pelajar Berkeperluan Khas	Kawasan setinggan	5		0.767	3.897	0.004
	Kawasan kampung	157		0.587		
	Kawasan rumah kos rendah	43	2.62	0.535		
	Kawasan perumahan sederhana	126	2.83	0.600		
	Kawasan perumahan mewah	4	2.91	0.739		

JADUAL 5. Analisis ANOVA Perbezaan Perspektifi Pelajar Terhadap Kepelbagaian Pelajar di Sekolah Berdasarkan Pendapatan Keluarga

Pemboleh Ubah Bersandar	Kumpulan	N	Min	SP	Nilai F	Sig. (p)
Polisi dan Amalan Kepelbagaian	Kurang dari RM1000	175	3.13	0.46641	0.365	0.694
	RM1001 – RM2500	95	3.10	0.41337		
	RM2501 – Ke Atas	65	3.16	0.49267		
Keterbukaan kepada Kepelbagaian	Kurang dari RM1000	175	2.93	0.610	2.102	0.124
	RM1001 – RM2500	95	3.01	0.591		
	RM2501 – Ke Atas	65	3.10	0.479		
Kepelbagaian dan Role Model	Kurang dari RM1000	175	2.82	0.596	0.595	0.552
	RM1001 – RM2500	95	2.8	0.686		
	RM2501 – Ke Atas	65	2.89	0.526		
Akses	Kurang dari RM1000	175	2.66	0.559	3.354	0.036
	RM1001 – RM2500	95	2.61	0.517		
	RM2501 – Ke Atas	65	2.83	0.507		
Suasana Menghormati	Kurang dari RM1000	175	2.64	0.457	2.597	0.076
	RM1001 – RM2500	95	2.52	0.511		
	RM2501 – Ke Atas	65	2.51	0.520		
Permusuhan dalam Kumpulan	Kurang dari RM1000	175	2.41	0.667	0.394	0.675
	RM1001 – RM2500	95	2.36	0.725		
	RM2501 – Ke Atas	65	2.45	0.660		
Hubungan Antara Kaum	Kurang dari RM1000	175	2.75	0.588	3.101	0.046
	RM1001 – RM2500	95	2.64	0.661		
	RM2501 – Ke Atas	65	2.89	0.568		
Interaksi Antara gender	Kurang dari RM1000	175	2.41	0.570	1.858	0.158
	RM1001 – RM2500	95	2.31	0.539		
	RM2501 – Ke Atas	65	2.48	0.543		
Interaksi Sosial dalam Kumpulan	Kurang dari RM1000	175	2.69	0.440	1.429	0.241
	RM1001 – RM2500	95	2.79	0.469		
	RM2501 – Ke Atas	65	2.73	0.548		
Tanggapan Terhadap Ekuiti Pendidikan	Kurang dari RM1000	175	2.28	0.641	4.060	0.018
	RM1001 – RM2500	95	2.09	0.591		
	RM2501 – Ke Atas	65	2.09	0.573		
Sikap Terhadap Pelajar Berkeperluan Khas	Kurang dari RM1000	175	2.67	0.580	1.890	0.153
	RM1001 – RM2500	95	2.62	0.536		
	RM2501 – Ke Atas	65	2.81	0.721		

\* Aras signifikan pada 0.05.

digunakan dalam kajian ini didapati mampu mengukur tahap kepelbagaian sekolah dari perspektif pelajar. Dapatan dari aspek latar belakang pelajar terhadap kepelbagaian sekolah dalam kajian ini tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan.

Dapatan keseluruhan dalam kajian ini diharapkan dapat diguna pakai oleh pihak sekolah mahupun pihak kementerian pelajaran Malaysia agar memberi perhatian khusus dalam meningkatkan tahap kepelbagaian sekolah yang melibatkan pelajar. Proses kesedaran pelajar perlu ditinjau dari 12 domain yang dikaji dalam kajian ini. Sekiranya domain-domain itu dapat dijadikan sebahagian daripada keperluan sekolah sudah pastinya ianya dapat menjamin kualiti dan keselesaan dalam memberi pendidikan untuk semua. Hal ini selaras dengan usaha pendemokrasian pendidikan yang menjadi agenda utama negara sekarang bagi memberi peluang yang saksama kepada semua individu pelajar sama ada pelajar normal mahupun pelajar bermasalah pembelajaran.

#### CADANGAN BAGI MEMPERBAIKI TAHAP KEPELBAGAIAN SEKOLAH DAN BAGI KAJIAN LANJUTAN

Dalam usaha memberikan perkhidmatan sebaik mungkin untuk membantu pelajar berkeperluan khas, persoalan yang harus difikirkan adalah berkaitan dengan keupayaan pihak yang berkenaan menentukan keberkesanan penggunaan bahan teknologi bantuan. Panduan yang dikemukakan oleh Edyburn (2000) dapat dijadikan asas pertimbangan, iaitu: (1) Mengenali fungsi dan had bahan dalam meningkatkan pencapaian, (2) Menentukan konsep bentuk teknologi yang digunakan, (3) Menentukan bentuk perkhidmatan berkaitan bahan teknologi yang disediakan dan (4) Mendokumentasikan keberkesanan teknologi bantuan.

Suatu penilaian hendaklah terus dilakukan terhadap aspek-aspek kepelbagaian sekolah secara lebih menyeluruh bukan sahaja melibatkan domain-domain kepelbagaian sekolah yang dikaji dalam kajian ini. Penilaian berterusan tentang kepelbagaian sekolah amat perlu dilakukan bagi

mencari kelemahan dan kekuatan yang ada di peringkat sekolah untuk dibaiki atau dimantapkan bagi menjadikan sekolah benar-benar satu tempat pembelajaran yang selesa kepada pelajar dan guru-gurunya.

Pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan juga pihak sekolah bagi melaksanakan atau meningkatkan kemudahan-kemudahan dan program-program kesedaran kepada pelajar supaya lebih peka terhadap faktor-faktor kepelbagaian di sekolah yang meliputi jantina, kaum, agama dan latar belakang pelajar tidak seharusnya dipandang remeh kerana ianya mempunyai pengaruh terhadap pembentukan kepelbagaian di sekolah.

Bagi peringkat pelajar pula program-program pembangunan seperti ceramah serta kursus motivasi terhadap penerimaan kepelbagaian sekolah perlu dilakukan secara berterusan bagi meningkatkan kesedaran pelajar secara berterusan tentang kepelbagaian di sekolah. Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan sindrom tidak selesa berlaku di peringkat pelajar di sekolah.

Kajian ini melibatkan sampel yang tidak menyeluruh iaitu hanya melibatkan beberapa daerah di negeri Pahang iaitu Temerloh, Maran dan Kuantan maka dicadangkan sampel yang lebih ramai bukan sahaja melibatkan Semenanjung Malaysia tetapi Sabah dan Sarawak bagi mendapatkan maklumat yang boleh mewakili pelajar dalam sampel yang besar dan boleh digeneralisasikan dapatannya.

Bagi mendapatkan maklumat secara terperinci kaedah kualitatif dan pemerhatian perlu dilakukan bagi melihat permasalahan sebenar, pola-pola tingkah laku pelajar dalam konteks kepelbagaian sekolah yang melibatkan faktor mendorong dan menghalang. Perkara ini penting, bagi pihak tertentu merancang menjadikan sekolah sebagai tempat yang selesa dan selamat kepada pelajar-pelajar tanpa mengira latar belakang.

#### PENUTUP

Dapat dirumuskan bahawa kepelbagaian sekolah adalah penting bukan sahaja untuk meningkatkan pencapaian pelajar dalam akademik tetapi lebih jauh daripada itu sekolah adalah sebagai satu agen sosial yang boleh menjadikan penerimaan konteks kepelbagaian sekolah sebenarnya mampu memupuk semangat perpaduan di kalangan kaum di Malaysia tanpa mengira latar belakang keluarga. Kepelbagaian sekolah ini juga mampu mewujudkan satu masyarakat yang harmoni yang saling menghormati, bertolak ansur, tolong-menolong di antara satu sama lain dalam mencapai matlamat yang sama. Berdasarkan perbincangan di atas jelas menunjukkan konteks kepelbagaian di sekolah boleh dijadikan landasan untuk merialisasikan "Satu Malaysia" yang disarankan oleh perdana menteri seterusnya mencapai matlamat wawasan 2020 yang menjadikan Malaysia sebagai negara maju mengikut acuan sendiri, di mana tonggak kepada perkara tersebut tidak lain adalah perlunya kepada kualiti pendidikan bertaraf dunia sama ada di peringkat sekolah mahupun di peringkat universiti.

#### RUJUKAN

- Ahmad Razaai Ayudin. 1995. *Pengaruh Aktualisasi Kendiri Terhadap Pembelajaran dalam Kalangan Pelajar*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan, UKM: Bangi.
- Ainscow, M. 1999. *Reaching out to all learners: Some opportunities and challenges*. 19<sup>th</sup> APEID Regional Seminar on Special Education. 8-13 November 1999. Yokosuka, Jepun: National Institute of Special Education.
- Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) & Peraturan-Peraturan Terpilih. 1998. Kuala Lumpur: International Law Books.
- Ballard, K. 1999. *Inclusive education: International voices on disability and justice*. London: Falmer Press.
- Booth, T. & Ainscow, M. 1998. *From them to us: An international study of inclusion in education*. London: Routledge.
- Byrne, D.B., Harttie, J.A. & Fraser, B.J. 1996. Student perceptions of preferred classroom learning environment. *The Journal of Educational Research*. 80(1): 10-18.
- Edyburn, D. L. 2000. Assistive Technology and students with mild disabilities. *Focus on Exceptional Children* 32(9): 1-23.
- Farrell, P. 2004. School psychologists, making inclusion a reality for all. *School psychology International* 25: 5-19.
- Gottfredson, Gary D. & Jones, Elizabeth M. 2001. *Preliminary technical manual for the school diversity inventory*. Maryland: Gottfredson Associates, Inc.
- Hanafiah M Salleh, et al. 2000. *Religiosity of Muslim Adolescents in Nine Malaysian Secondary Schools*. Malaysian Journal of Psychiatry 8(2): 18-25.
- Hegarty et al. (1983). A teacher aid programme in action. *Special education forward trends* 4(1): 22-31.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1995. Perancangan strategik pendidikan khas 2020. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Khas.
- Mortimoore, P. et al. 1988. *School Matters*. London: Open Book.
- Mortimoore, P., Sammons, P., Stoll, L., Lewes, D. & Ecobn, R. 1989. A study of effective junior schools. *International Journal of Educational Research* 13: 753-768.
- Noddings, N. 2005. Identifying and responding to needs in education. *Cambridge Journal of Education* 35(2): 147-159.
- Rahimah Hj Ahmad. 1981. *The relationship between and among leadership style, school climate and student achievement in the elementary school principalship in the Federal Territory of Kuala Lumpur, Malaysia*. Unpublished PhD Thesis. University of Southern California, Los Angeles.
- Stoll, L. 1994. School effectiveness and school improvement: Voices from the field. *School Effectiveness and School Improvement* 5(2): 149-177.
- Turney, J.J. & Jenkins, J.M. 1985. *A comparison of climate as perceived by selected students*. University of Southern California.
- Vlachou, A. 2004. Education and inclusive policy-making: implications for research and practice. *International Journal of Inclusive Education* 8(1): 3-21.
- Zalizan M. Jelas. 1995a. Strategi bagi pelaksanaan pendidikan inklusif. Kertas Kerja Jemputan yang dibentangkan di Seminar Pendidikan Inklusif. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Wilayah.
- Zalizan M. Jelas. 1995b. Perkembangan kini dan peningkatan pelaksanaan pendidikan khas. Kertas Kerja Jemputan yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Pendidikan Khas. Kuala Terengganu: Kementerian Pendidikan Malaysia.



- Zalizan M. Jelas. 1999a. Professional development to meet special needs teacher education in Malaysia: The Case of Universiti Kebangsaan Malaysia. *Asia-Pacific Journal of Teacher Education and Development* 2(2): 1-10.
- Zalizan M. Jelas. 1999b. Pendidikan inklusif: Satu Kajian Kes. *Jurnal pendidikan* 24: 43-57.
- Zalizan M. Jelas. 2000. Preceptions of inclusive practices: The Malaysian Prespectives *Educational Review* 52(2): 187-196.
- Zalizan Mohd Jelas. 2009. *Pendidikan Inklusif dan Pelajar Berkeperluan Khas*. Bangi: Penerbit UKM.
- Zalizan Mohd Jelas. 2009. *Pentaksiran Potensi dan Keperluan Pembelajaran. Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas: Konsep dan Amalan*. Bangi: Penerbit UKM.